

# THE ROLES OF PICTURES IN ESSAY WRITING/PERANAN GAMBAR DALAM PENULISAN ESEI

KASMA MOHD HAYAS

Universiti Malaysia Kelantan ([kasma.mh@umk.edu.my](mailto:kasma.mh@umk.edu.my))

SABARIAH ABD RAHIM & ALICE ALIM

Universiti Malaysia Sabah (MALAYSIA)

[sab@ums.edu.my](mailto:sab@ums.edu.my) & [alice.alim.aa@gmail.com](mailto:alice.alim.aa@gmail.com)

Writing exercise is one of the important exercises in the learning of second or foreign language because it fortifies students' writing skills. Writing helps students to improve spelling, apply different genres, use rules of grammar, and develop coherence, and unity of ideas, to name a few. However, many students are not really interested to write because they find writing difficult and not important. In this study, 40 students learning the Spanish and English Languages in Universiti Malaysia Sabah (UMS), were given two different writing tasks, i.e. free-writing and guided-writing, of similar topic. The purpose of this study is to evaluate the content, sentence structure, vocabulary and mechanics of the students' essay writings (the use of transitions). Both tasks may have positive and negative roles that may result or cause by the nature of the tasks, i.e. free-writing---students are only provided with the topic, and guided-writing---students are provided with topic as well as additional information (pictures) as stimulants. Therefore, the paper discusses the negative and positive roles of the tasks. It is hoped that the findings of this study will benefit teachers of second or foreign languages on how to assist students to write better.

**Keywords:** Roles of picture, essay writing

## PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Awam (IPTA) di Malaysia dilihat semakin berkembang dengan adanya penambahan bilangan jenis bahasa-bahasa asing yang ditawarkan kepada pelajar. Universiti Malaysia Sabah (UMS) berdiri setanding dengan IPTA lain dengan menawarkan sepuluh bahasa yang di kendalikan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB). Hampir

kesemua kursus bahasa asing ini menekankan empat asas kemahiran bahasa (membaca, mendengar, menulis dan bertutur) di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Penulisan esei merupakan latihan asas menulis yang tidak asing lagi di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa asing. Ini adalah kerana ia merupakan salah satu kemahiran bahasa yang menjadi antara objektif utama P&P bahasa asing. Latihan penulisan ini diberikan pada setiap tahap kursus bahasa, bermula dari latihan menulis ayat-ayat ringkas sehinggalah kepada latihan penulisan berbentuk esei. Latihan menulis esei adalah aspek yang kurang digemari oleh pelajar terutama sekali penulisan esei di dalam bahasa asing atau bahasa ketiga yang di pelajari pelajar. Mereka beranggapan mengarang adalah satu kemahiran yang susah dipelajari dan menjemukan berbanding kemahiran berbahasa yang lain. Pelajar dilihat tidak bermotivasi apabila tugas menulis esei diberikan. Kurangnya pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa sasaran ini juga menjadi faktor utama mengapa pelajar tidak bermotivasi untuk menulis. Terjemahan esei melalui *googles* menjadi jalan pintas pelajar dan ia semakin berluasa di mana tindakan mengatasi fenomena ini perlu dilakukan. Aplikasi ICT dalam P&P sudah tidak asing lagi, ia telah menjadi alat bantu mengajar yang sangat efektif pada masa kini. Namun begitu, penggunaannya dalam latihan penulisan esei ini di lihat tidak membantu meningkatkan dan memahirkan pelajar dalam menguasai bahasa yang di pelajarnya.

Usaha mengatasi masalah yang disebut di atas, penkaji atau pensyarah yang terlibat dalam kajian ini telah memasukkan unsur-unsur gambar yang dirasakan lebih menarik dan juga boleh membantu memudahkan pelajar untuk menulis esei mereka. Selain pendekatan penulisan bebas (*free writing*), pendekatan penulisan terkawal (*guided-writing*) dengan bantuan gambar bersiri diaplikasikan kepada pelajar untuk melihat sejauh mana peranan gambar itu boleh menjana pemikiran pelajar dalam usaha menghasilkan esei mereka.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **1. Peranan gambar dalam pengajaran dan pembelajaran**

Peranan gambar di dalam kehidupan harian antaranya adalah sebagai alat penyampai maklumat. Penyampaian maklumat menerusi gambar ini di lihat dapat membantu memudahkan proses

pemahaman. Didalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, penggunaan gambar yang bersesuaian dapat membantu pelajar lebih mudah memahami apa yang hendak di sampaikan oleh guru mereka. Sebagai contoh, sebuah teks yang disertakan dengan gambar dapat mempermudah penyampaian maklumat. Maklumat daripada teks itu telah divisualkan melalui gambar tersebut. Dalam arena P&P pembelajaran bahasa, terutamanya bahasa asing peranan gambar membantu memudahkan dan mempercepatkan pemahaman pelajar dalam bahasa sasaran tersebut. Gambar-gambar kartun yang lucu dan menarik misalnya dapat membantu pelajar mengingat setiap peristiwa yang dipamerkan (Frey & Fisher, 2008). Menurut Abdul Rashid dan Norhayat (2005), Gambar-gambar kartun boleh merangsang minat pelajar kerana biasanya ia mengisahkan hal hal seharian yang dilalui oleh seseorang dalam kehidupan. Gambar-gambar sebegini jika di aplikasi bersama di dalam aktiviti latihan penulisan esei bahasa asing akan memberi impak yang lebih baik. Topik pengajaran yang berat dan susah dapat di permudahkan oleh bantuan gambar. Hal ini telah dibuktikan oleh Ong Eng Tek dan Ahmad Nizam (2009) dalam keberkesanan modul kartun yang digunakan mereka dalam P&P Biologi Tingkatan 4. Didapati minat pelajar terhadap matapelajaran Biologi meningkat.

Didalam P&P bahasa asing, penggunaan gambar sudah tidak asing lagi. Ini dapat dilihat dalam buku-buku teks baru di pasaran yang telah menawarkan bahan-bahan pengajaran yang kaya dengan pelbagai pilihan gambar. Gambar-gambar ini digunakan sebagai sumber maklumat tambahan yang dapat membantu proses pemahaman pelajar. Ada kajian yang dijalankan di beberapa buah negara menguji dua jenis bahan pengajaran iaitu penggunaan teks bergambar dan yang teks tidak bergambar (Jehoda et al., 1976). Hasil kajian ini mendapati hampir kesemua kanak-kanak yang terlibat dengan kajian yang dijalankan menunjukkan hasil yang lebih positif. Maka dengan itu Jehoda mensarankan kombinasi terbaik bahan pengajaran adalah dengan penggunaan teks beserta gambar-gambar yang sesuai. Namun begitu, kejayaan dan kegagalan sesuatu P&P yang menggunakan gambar bergantung kepada kebijaksanaan guru-guru dan pensyarah dalam memilih gambar-gambar yang sesuai. Gambar - gambar yang tidak jelas, kabur, terlalu abstrak, boleh mencacatkan proses pembelajaran pelajar. Jenis-jenis gambar di kategorikan kepada tiga, iaitu gambar ilustrasi, gambar analog dan gambar logik (Mohd Sofian Abdul Latif & Saidah Ismail , 2009). Berikut adalah fungsi-fuungsi gambar dalam P&P bahasa asing:

1. Memberi gambaran dan maklumat awal.
2. Mengaktifkan pengetahuan sedia ada pelajar
3. Membantu memudahkan proses pemahaman

4. Memberi maklumat tentang budaya sesuatu bahasa

5. Memberi motivasi kepada pelajar

## **2. Gambar dan penggunaannya dalam penulisan esei**

Latihan mengarang di dalam bahasa asing yang di sertakan dengan gambar-gambar yang sesuai dapat membantu pelajar menggarap idea-idea utama. Ia juga boleh menjadi bahan pengajaran yang mampu mewujudkan suasana yang seronok yang mempengaruhi emosi pelajar untuk belajar dengan lebih tekun lagi (Abdul Rashid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah hashim, 2012). Penggunaan gambar-berbentuk animasi dalam proses penyampaian maklumat memberi kesan penyampaian yang lebih mudah dan efektif serta mampu menarik perhatian para penonton untuk terus focus kepada isi kandungan yang ingin di sampaikan (Jamalludin & Zaidatun, 2005). Gambar-gambar animasi ini juga sangat praktikal digunakan oleh guru-guru dalam latihan penulisan esei pelajar (Aminordin, 2007). Ini adalah kerana gambar-gambar ini boleh menarik perhatian pelajar dan berpotensi mencerikan dan melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif. Penggunaan gambar bersiri atau yang mempunyai urutan cerita adalah bahan ideal yang boleh digunakan dalam latihan mengarang di dalam bahasa asing. Urutan cerita yang terdapat di dalam gambar boleh digunakan sebagai garis panduan kepada pelajar untuk menulis.

*“Graphic images can bring out more detailed, knowledgeable, responsive, awareness to the object, situation or text being communicated “ (Canning, 1998)*

Penulisan pelajar boleh di mulakan dengan cerita pendek, dialog perbualan ringkas dan sebagainya. Pelajar dapat mentafsirkan gambar tersebut satu persatu dan ini membantu dalam penyusunan ayat dan juga cerita ketika mengarang esei mereka. Gerakan minda pelajar dalam mencari kosata-kosakata yang sesuai juga secara tidak langsung dibantu oleh adanya gambar-gambar . Kozma (1991) mengatakan:

*“People can construct a mental representation of the semantic meaning of a story from either audio or visual information alone”*

Penulisan esei mempunyai empat pendekatan utama iaitu pendekatan terkawal, pendekatan bebas, pendekatan pola perenggan, dan pendekatan komunikatif (Raimes, n.d., dalam Zamzuri, 2010). Menurut

Raimes (n.d., dalam Zamzuri, 2010) pendekatan bebas memberi kebebasan penuh kepada pelajar untuk menulis tentang tajuk atau tema yang diberikan. Manakala penulisan terkawal pula mendapat bantuan dan kawalan dari pihak guru. Sesuatu akan digunakan oleh pihak guru dalam bentuk alat bantu mengajar, dalam kajian ini penulisan terkawal (*guided-writing*) yang dijalankan ke atas pelajar dalam latihan penulisan esei ini adalah penggunaan gambar bersiri yang menceritakan aktiviti yang dilakukan oleh seseorang dan juga adalah tunggak utama yang membezakannya dengan penulisan bebas (*free writing*). Setiap pendekatan, kaedah atau teknik pengajaran yang di gunakan di dalam P&P mempunyai kelebihan tersendiri dan juga sebaliknya. Dalam kes penggunaan gambar bersiri di dalam latihan mengarang bahasa asing, kejayaan penulisan tersebut sangat bergantung kepada fungsi-fungsi gambar yang disebut di atas (Mohd Sofian Abdul Latif & Saidah Ismail, 2009). Manakala penulisan esei dengan pendekatan bebas (*free writing*) pula bergantung penuh pada kreativiti pelajar tersebut.

Selari dengan transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, guru-guru, pensyarah-pensyarah bahasa hari ini perlu prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang proses pembelajaran mereka. Inisiatif mempelbagai kaedah pengajaran dalam latihan penulisan bahasa mengikut keperluan semasa dapat menarik minat pelajar untuk keluar daripada anggapan mereka yang mengatakan menulis membosankan dan sukar dilakukan.

## **LATARBELAKANG KAJIAN**

Bahasa Sepanyol adalah salah satu daripada bahasa-bahasa asing tersebut yang diajar di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol ini dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Tahap I, II dan III. Empat asas kemahiran berbahasa atau berkomunikasi bertutur, mendengar, membaca dan menulis didedahkan dan diajar kepada pelajar pada setiap tahap. Pada tahap terakhir kursus tersebut, para pelajar diberi latihan berterusan agar mampu berbicara atau bercerita mengenai hal-hal yang telah berlaku dalam kehidupan harian mereka. Struktur tatabahasa kata kerja lepas/lampau (*Perfect tense and Past tense*) merupakan skop tatabahasa utama yang ditekankan sepanjang pengajaran dan pembelajarannya P&P. Latihan penulisan juga difokuskan kepada aspek yang sama dengan harapan, selain mampu berbicara mereka juga mampu menyampaikan maklumat secara bertulis yang juga termasuk dalam kategori komunikasi. Tarigan (Agus Suriamaharja, 1996:1) menyatakan "Menulis adalah menurunkan atau melukiskan

lambang-lambang grafik yang menggambarkan suatu bahasa yang dipakai oleh seseorang, sehingga orang lain dapat membaca lambang-lambang grafik tersebut dan mereka memahami bahasa dan gambaran grafik tersebut “.

Namun begitu aspek penulisan esei dalam bahasa asing dilihat sangat tidak diminati oleh para pelajar. Di dalam kelas Bahasa Sepanyol tahap III, latihan menulis esei diberikan kepada pelajar, namun begitu kekangan masa dan jam pengajaran menyebabkan latihan tersebut tidak dapat disiapkan pada masa itu. Pelajar di minta meneruskan tugas menulis tersebut di rumah. Kesan daripada itu, ramai pelajar mengambil jalan mudah menggunakan kemajuan ICT menyiapkan kerja mereka melalui terjemahan *google*. Situasi yang tidak sihat ini akan berterusan jika tidak dibendung dan akan mencacatkan objektif P&P kursus tersebut. Konflik ini berterusan sehingga tahap maksima apabila ada pelajar datang membuat aduan bahawa esei yang dihasilnya adalah asli selepas tidak mendapat sebarang markah. Secara logiknya, memang pelajar didapati membuat terjemahan melalui internet namun begitu pensyarah tidak ada bukti kukuh untuk mempertahankan kenyataannya apabila ada pelajar menafikan melakukan kesalahan tersebut. Untuk mengatasi masalah ini satu kajian dibuat kepada pelajar-pelajar Bahasa Sepanyol tahap III, semester 2 sesi 2010-2011. Secara keseluruhan 60 pelajar dari dua kelas di uji, tetapi hanya 40 pelajar sahaja yang layak digunakan sebagai bahan kajian ini. Selebihnya tidak dapat digunakan kerana tidak menjalankan tugas yang diberikan pada masa yang ditetapkan. Dua tugas penulisan esei telah diberikan kepada pelajar dan penilaian markah untuk kedua-dua tugas ini adalah 15 markah. Berikut adalah tajuk-tajuk yang diberikan:

1. Tugas pertama: *Escribe una composición diciendo qué hiciste el fin de semana pasado*. (Tulis esei menceritakan apa yang telah anda lakukan pada hujung minggu lalu).

Tajuk kedua dua esei ini adalah hampir sama, namun tugas pertama disertakan bersama gambar bersiri sebagai (*guided-writing*) dan tugas kedua dikenali sebagai penulisan bebas (*free writing*). Tugas pertama diberikan pada minggu ke tujuh, sebelum cuti semester pelajar dan tugas kedua pula diberikan pada sebulan selepas itu (minggu ke-11).

2. Tugasan kedua: *Escribe una composición diciendo qué hizo esta persona el fin de semana pasado.*  
(Tulis esei menceritakan apa yang dilakukan oleh orang tersebut pada hujung minggu lalu).

1) Escribe una composición diciendo qué hizo esta persona el fin de semana pasado.



## BENTUK DAN ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian ini melibatkan dua tajuk esei diberikan kepada pelajar - pelajar Bahasa Sepanyol tahap III di PPIB. Cara pengendalian telah diubah dimana pelajar perlu menyiapkan esei tersebut di dalam kelas dibawah pengawasan guru mereka. Tujuan utama untuk mengelak pelajar dari penggunaan *google* dan untuk menilai tahap kemampuan pelajar dalam penulisan. Penggunaan gambar bersiri didalam tugas pertama adalah untuk melihat sejauh mana kesan gambar membantu dalam penulisan. Adakah gambar-gambar ini dapat membantu mencambahkan idea pelajar, membantu dalam pemilihan kosakata, susunan cerita, dan sebagainya. Selesai sahaja latihan pendengaran, pertuturan dan pembacaan berkaitan dengan kata kerja lepas/lampau diberikan, (*Perfect tense and Past tense*) pada minggu ke lapan pengajian tugas pertama dijalankan. Pelajar diberi masa satu jam didalam kelas untuk menulis esei berdasarkan tajuk yang di beri. Penggunaan kamus dibenarkan pada ketika itu. Tujuannya adalah untuk menangkis anggapan bahawa pelajar tidak mampu menulis disebabkan kekurangan perbendaharaan kata. Tugas yang kedua diberikan kepada pelajar juga menggunakan konsep pengendalian di dalam kelas, masa, penggunaan kamus yang sama dengan tugas yang pertama. Bantuan gambar bersiri yang disertakan pada tugas pertama dan kata ganti nama diri "orang ketiga" adalah yang membezakannya dengan tugas kedua (tidak bergambar dan penggunaan kata ganti nama "anda'). Pertukaran kata ganti nama diri ini bertujuan untuk mengelak pelajar dari pada menulis kembali apa yang telah di tulis dalam esei sebelum ini.

Analisis esei pelajar ini berfokuskan kepada beberapa aspek penting sahaja. Analisis ini tidak menilai kesalahan-kesalahan pelajar dari segi tatabahasa. Berikut adalah aspek yang di nilai:

1. Kandungan isi cerita (*Content*)
2. Kata Hubung (*Transitions*)
3. Bentuk Ayat (*Sentence Structure*)
5. Kosakata (*Vocabulary*)

Sepanjang tempoh P&P Bahasa Sepanyol tahap III ini dijalankan pelajar telah didedahkan dengan topik-topik penting yang diperlukan dalam penulisan esei mereka seperti kata hubung (*transitions*), Kata kerja lepas, (*perfect and past tense verbs*) dan kosa kata (*vocabulary*) yang diperlukan oleh pelajar untuk menulis esei tersebut.



Pelajar hanya diberi masa satu jam untuk menulis esei mereka (150-200 perkataan). Guru sentiasa mengawal bertujuan mengelak pelajar meniru, namun begitu pelajar dibenarkan menggunakan kamus sebagai rujukan mereka. Hasil esei pelajar yang dinilai adalah dua hasil esei yang di tulis oleh seorang pelajar. Kedua-dua esei ini di kesan mengikut nombor matrik mereka. Nama pelajar tidak diletakkan bertujuan mengelak adanya diskriminasi.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini menunjukkan unsur-unsur positif dalam penulisan pelajar lebih terserlah di dalam esei-esei melalui penggunaan gambar bersiri. Bantuan gambar seperti gambar bersiri adalah sangat sesuai diaplikasikan kepada pelajar untuk membantu memperbaiki keterampilan mengarang di dalam bahasa asing yang di pelajari. Purwanto dan Alim (1997:63) ada menyatakan bahawa penggunaan media gambar dapat melatih anak-anak menentukan pokok fikiran yang membawa kepada penghasilan esei-esei. Pernyataan Tarigan (1997 : 210) “Mengarang melalui media gambar seri berarti melatih dan mempertajam daya imaginasi siswa” dan pendapat Mohd Sofian Abdul latif & Saidah Ismail (2009) bahawa gambar bukan sahaja dapat memberi gambaran tentang apa yang berlaku malah ia juga dapat membantu pelajar mengaktifkan perbendaharaan kata dengan lebih tepat seterusnya memotivasikan mereka melalui suasana ceria dan lebih menarik. Maka dengan itu jelaslah bahawa penggunaan gambar yang bersesuaian dapat membantu pelajar dalam menghasilkan penulisan yang lebih baik.

Deskriptif analisis digunakan dalam kajian ini. Kajian deskriptif ini digunakan untuk membuat tinjauan ke atas kemampuan pelajar menulis. Kajian deskriptif berguna apabila penyelidik ingin mencari maklumat dan mengumpul data berhubung dengan fenomena yang tidak dapat diperhatikan secara langsung (Noraini, 2010). Ini jelas berkaitan dengan kajian ini kerana penyelidik ingin mengetahui sejauh mana keberkesanan pendekatan P&P yang melibatkan pengajaran mengarang esei di dalam bahasa asing.

Dengan mengambil kira aspek-aspek berikut: Kandungan isi cerita (*content*), Kata Hubung (*transition word*), Sintaksis (*Syntaxis*) dan Kosakata (*vocabulary*), berikut adalah perinciannya:

## **1. Kandungan isi cerita (*content*)**










Didapati seramai 26 orang pelajar telah berjaya menghasilkan esei yang lebih baik dari segi kandungan isi cerita (*content*). Lima (5) lagi pelajar dilihat begitu konsisten apabila hasil kedua-dua esei mereka tidak mempunyai perbezaan yang ketara dari segi kandungan cerita. Kedua-dua cerita mereka dilihat sama walaupun pendekatan yang diberi berbeza. Kebanyakan pelajar-pelajar ini berjaya menyusun penceritaan mereka dengan lebih baik. Isi –isi penting ditulis dengan lebih kemas dan jelas. Esei digarap dengan permulaan atau pengenalan yang mudah, di ikuti susunan isi- isi penting dan di akhiri dengan penutupan ringkas namu bersesuaian. Susunan aktiviti di awal pagi sehinggalah di malam hari diceritakan dengan lebih jelas dan kemas. Ini adalah kerana gambar bersiri yang disertakan bersama telah berjaya membantu mereka menghuraikan apa yang berlaku dengan lebih sistematik. Huraian isi ringkas dan susunan cerita mereka menjadi lebih tersusun dan kemas. Fungsi-fungsi: memberi gambaran dan maklumat awal, mengaktifkan pengetahuan sedia ada, memudahkan proses pemahaman, motivasi dan sebagainya berjaya digunakan oleh pelajar sepenuhnya dalam penulisan mereka.

Manakala 9 lagi pelajar tidak mampu menulis dengan baik walaupun adanya bantuan gambar. Hasil esei kebanyakannya kurang jelas dan tidak kemas dari segi susunan isi cerita. Kandungan cerita agak berterabur menjadikan hasil tulisan kurang menarik. Aktiviti-aktiviti seharian yang merupakan isi penting esei yang di tulis sangat kurang, namun begitu kreativiti pelajar dilihat lebih terserlah pada pendekatan bebas (*free writing*). Isi kandungan cerita difahami tetapi karya mereka agak meleret-leret. Ini menjadikannya kurang menarik berbanding esei bervisual.

## **2. Penggunaan kata hubung (*transitions*)**

No matric. BB0911087 12

1) Escribe una composición diciendo qué hizo esta persona el fin de semana pasado.

 levantar	 bañar / lavar / cepillarse	 ayudar a desayunar
 limpiar	 ver la televisión leer → leyó	 deportar nadar hacer ejercicio
 cantar	 bailar	 comer

Jose levanto a las siete para mañana. Luego, se baño y lavo después de se cepillo el denta para la mañana más tarde Jose preparó el desayuno desayunó solo el papaya para con leche para desayuno a las ocho le gusta beber leche para mañana

Después Jose limpió su coche por que no limpió su coche para un semana luego, vio la televisión en la casa la comedia es muy interesante Jose vio la comedia en de semana el hoy el pasado después de, vio televisión le gusta

Tugasan esei berbantu gambar menunjukkan hasil memuaskan keatas penggunaan kata hubung yang digunakan dalam penceritaan. Hasil yang memuaskan juga dapat dilihat di dalam tugasan menulis tanpa gambar. Hanya 7 pelajar yang kurang menggunakan kata hubung ini, 5 daripadanya adalah dari esei tanpa gambar. Penggunaan yang merujuk kepada kurang adalah penggunaan yang kurang dari tiga kali atau tiga jenis kata hukung. Ini mungkin di sebabkan kata hubung yang diajar tidak terlalu kompleks dan ini memudahkan pelajar memahami kegunaannya.

No. Pelajar: BB0911087 US 00302

B) Escribe una composición diciendo qué hiciste el viernes pasado. Utiliza en lo posible diferentes verbos.

<sup>An de semana</sup>  
An de semana pasado hube "6th Borneo Debating Championship" en SKITM.

<sup>pasado</sup>  
El An de semana pasado, fui a la playa con mi amigos en el Sabado. ~~Preparamos para~~ <sup>antes de</sup> ~~Tuvimos~~ desayunar ~~después~~ <sup>antes</sup> la playa por la mañana mañana en el restaurante en Kota Kinabalu. Luego, compramos las frutas, pané y corbe.

<sup>antigos</sup>  
Nadé con mi ~~amigos~~ <sup>antigos</sup> en la playa ~~este~~. Mas tarde, cantamos durante José jugó guitar. ~~Asas~~ <sup>es</sup> muy feliz. ~~Son~~ <sup>es</sup> muy hambre después de nadar más. Luego, comimos las frutas y pané ~~compramos~~ <sup>compramos</sup> por la mañana. Tomamos ~~estas~~ <sup>estas</sup> más foto antes de ~~vinimos~~ <sup>vinimos</sup> a Kota Kinabalu. ~~Vinimos~~ <sup>Vinimos</sup> a Jassettor Point en Kota Kinabalu a las cuatro.

~~La~~ <sup>La</sup> Mas tarde, hubimos la comida en 'Little Italy' por la tarde. La comida en 'Little Italy' es muy delicioso especie la Tiramisú. ~~Más~~ <sup>Más</sup> comimos por que son ~~es~~ <sup>es</sup> muy hambre. Luego, salimos a 'Terminal Bus' por que cogimos el autobús a la universidad. ~~Denit~~ <sup>Denit</sup> a las ~~ocho~~ <sup>ocho</sup> nueve antes de ~~bañarse~~ <sup>bañarse</sup> por la noche.

### 3. Bentuk Ayat

Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan jelas dari segi penggunaan tau bentuk ayat di antara tugas melalui pendekatan kawalan dan pendekatan bebas. Kesan positif lebih terserlah di dalam esei pelajar yang menggunakan bantuan gambar. Ayat-ayat mereka lebih ringkas, pendek namun boleh membawa maksud yang jelas. Gambar bersiri yang menggambarkan pergerakan seseorang satu persatu dapat memudahkan pelajar menulis ayat mereka. Pemilihan ayat-ayat sesuai kerana ayat yang ditulis juga di susun mengikut gambar tersebut. 17 pelajar berjaya menunjukkan tahap penulisan ayat yang sangat baik, 23 daripada mereka mampu menghasilkan ayat-ayat yang baik dan menepati kehendak atau objektif menulisan.

Manakala hasil tulisan esei pelajar menggunakan pendekatan bebas, hanya 6 berjaya menulis dengan sangat baik, manakala selebihnya kurang memenuhi objektif penulisan tersebut. Campuran ayat-ayat kompleks dan tidak sesuai ketika menghuraikan cerita mereka menyebabkan maklumat kurang jelas.

Namun begitu tiada perbezaan di dalam penggunaan S V O (subject-verb- object) di kedua-dua pendekatan penulisan yang digunakan.

### 4. Kosa kata

Pendekatan penulisan berbantuan gambar telah membantu pelajar dalam membuat pemilihan kosa kata sesuai dengan konteks. Sebagai contoh terdapat sebelas kata kerja yang berbentuk aktiviti harian seperti bangun pagi, mandi, menonton, sarapan dan sebagainya yang digunakan dengan jelas oleh pelajar didalam esei. Kesemua pelajar (40) mampu memberi kosa kata yang sesuai. Ini kerana gambar telah memudahkan pelajar mencari kosa kata yang paling tersebut. Ini di tambah lagi dengan kemudahan yang diberikan oleh guru dengan membenarkan pelajar merujuk kamus ketika ujian penulisan ini dijalankan.

Namun begitu didapati kesemua esei pelajar mengandungi huraian yang hampir sama. Gambar-gambar yang diberikan telah menghadkan pelajar dari memikirkan hal di "luar kotak " atau "*outside the box*". Tulisan mereka mengikut sahaja apa yang digambarkan oleh imej atau visual yang diberi. Maka dengan itu, hampir kesemua pelajar ini memilih perkataan-perkataan yang sama sahaja.

Hal ini sedikit berbeza dengan penulisan esei secara bebas. Didapati walaupun hasil tulisan mereka agak meleret, kurang jelas, namun pemilihan kosa kata mereka lebih bervariasi. Cerita mereka juga berbeza antara satu sama lain yang mana menampakkan kreativiti pelajar itu sendiri berbanding penulisan esei secara terkawal (guided writing). Hanya 11 pelajar yang telah menunjukkan kecemerlangan mereka dalam penulisan apabila berjaya menulis dengan baik di kedua-dua pendekatan yang di gunakan. Kesebelas pelajar ini telah menepati hipotesis kajian dimana hasil penulisan esei menggunakan gambar adalah lebih jelas, pendek, lebih kemas susun atur cerita namun kurang mempamerkan daya kreativiti pelajar. Sebaliknya mereka ini juga berjaya membuktikan penulisan bebas lebih menarik, meliputi kepelbagaian dalam pemilihan kosa kata dan yang lebih penting lagi kepanjangan esei mereka jelas berbeza.

Rumusan daripada dapatan kajian ini mendapati terdapat kesan negatif dan positif di kedua-dua pendekatan yang digunakan. Apa saja pendekatan yang digunakan jika kena pada sasarannya akan membawa hasil positif dan juga sebaliknya. Rajah berikut menunjukkan kesan ke atas kedua-dua penulisan esei pelajar Bahasa Sepanyol ;

<b>Bil.</b>	<b>PENULISAN BEBAS (free writing)</b>	<b>PENULISAN TERKAWAL (guided- writing)</b>
1.	Tahap kreativiti pelajar tinggi	Kreativiti terbatas
2.	Penulisan kurang tepat dan kurang jelas	Penulisan lebih jelas dan tepat
3.	Kandungan isi cerita pelbagai	Kandungan isi cerita hampir sama antara satu sama lain
4.	Kosa kata pelbagai dan berbeza	Kosa kata sama antara satu sama lain
5.	Kepanjangan esei –tiada beza dengan esei bergambar	Kepanjangan esei – tiada beza dengan esei bebas

## **KESIMPULAN**

Menghasilkan sebuah esei di dalam bahasa asing atau bahasa yang baru di pelajari tidak semudah yang dijangkakan. Seseorang pelajar perlu mempunyai pengetahuan dan idea yang mencukupi di dalam bahasa tersebut. Lebih jelas lagi, pengetahuan kosa kata yang luas dan pembacaan yang mencukupi juga dapat membantu pelajar dalam latihan menulis. Penggunaan bahan bergambar dalam pembelajaran penulisan esei sebenarnya membantu memudahkan pelajar memahami apa yang perlu mereka tulis. Ia juga memberi idea-idea segera yang membantu pelajar dalam menjana minda mereka mencari ayat-ayat dan kosa kata yang sesuai untuk di tulis. Fungsi gambar dalam P&P bahasa asing sebenarnya bukan asing lagi. Peranan guru dan tenaga pengajar itu sendiri perlu peka dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai supaya dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran mereka. Bahan-bahan bergambar boleh menceriakan suasana pembelajaran dan penggunaannya perlulah di ketengahkan dan diteruskan. Kajian ini diharap dapat member inisiatif kepada guru-guru bahasa asing untuk sentiasa berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka demi kebaikan pelajar. Sebarang usaha penambahbaikan dalam pengajaran bahasa perlu diteruskan. Di harap pelajar bahasa asing bukan saja mampu berkomunikasi secara lisan tetapi mampu juga menulis dengan baik dalam bahasa yang mereka pelajari itu.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid dan Norhayat Marzuki (2005), Persepsi guru terhadap penggunaan teknik permainan dan simulasi. *Prosiding seminar Pendidikan: Pendidikan Untuk pembangunan Lestari*. Tanjung malim. 28-30 Ogos.
- Abdul Rashid Jamian, Shamsudin Othman dan Humaizah hashim, 2012. Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam penulisan esei bahasa melayu. *Journal pendidikan Bahasa melayu (MyleJ)* ms 129-140.
- Aminordin Che Lah, 2007. *Grafik dan animasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Tesis Sarjana Pendidikan, USM.
- Agus Suriamaharja, 1996. *Petunjuk Praktis Menulis*. Jakarta : Depdikbud, Sabarti
- Christine Canning –Wilson. Retrieved from Online article 48, February 2001. *Visual & Language Learning: Is there a connection*.
- Canning, 1998. The role of picture in academic testing, *TESOL Arabia News*, June 1998 pp.19-21.
- Canning, 1999. Ideas for transforming your classroom into a more visually aesthetic Learning. *Newsletter*, 2:2 p. 1-2.
- Frey & Fisher, 2008. *Teaching visual literacy*. Corwin Press.
- Jehoda 1976 code from Mohd Sofian Abdul latif dan Saidah Ismail , 2009. *Prosiding ILANNS: issues in Language Teaching and Learning*. Pp. 568-582.
- Kozma, 1991 code from Christine Canning –Wilson. Retrieved from Online article 48, February 2001. *Visual & Language Learning: Is there a connection*.
- Mohd Sofian & Saidah Ismail, 2009. *Proceedings ILANNS Issues in Language Teaching and Learning*.
- Noraini Kaprawi, 2010. Kajian Tinjauan secara Kuantitatif. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kualan Lumpur, pp.195-214
- Ong Eng Tek dan Ahmad Nizam, 2009. Keberkesanan modul Kartun dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi Tingkatan Empat. *Journal Sains dan matematik*, pp. 77-86 .

Mohd Sofian Abdul Latif dan Saidah Ismail , 2009. *Prosiding ILANNS: issues in Language Teaching and Learning*. Pp. 568-582.

Tarigan, Djago, Drs (1996). *Membina Keterampilan Menulis Paragraf dan Pengembangannya*. Bandung : Angkasa

Zamzuri Mohamed, 2010. Pengajaran dan pembelajaran penulisan esei. <http://retibasa.blogspot/pengajaran> dan pembelajaran-penulisan -html.